

## APLIKASI DIGITAL DIDIK HIBUR 3M MURID ORANG ASLI SEKOLAH RENDAH

\*Abdul Halim Masnan<sup>1</sup>, Seah Siok Peh<sup>2</sup>, Azila Alias<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

\*Corresponding author's email: [abdul.halim@fpm.upsi.edu.my](mailto:abdul.halim@fpm.upsi.edu.my)

### ABSTRACT

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk meneroka pembangunan kit pembelajaran DH3M (Didik Hibur Membaca, Menulis & Mengira) dalam kalangan murid Orang Asli Tahun 5 Sekolah Rendah. Proses pembangunan kit pembelajaran DH3M melibatkan pendekatan kualitatif yang melibatkan tiga fasa, iaitu fasa analisis elemen keperluan, fasa pembangunan dan fasa keberkesanan pelaksanaan. Kajian ini menggunakan instrumen ujian pengukuhan (pra dan post), senarai semak pemerhatian dan temu bual. Pada fasa pertama, elemen kit pembelajaran dikenalpasti berdasarkan model dan kajian lepas dengan melibatkan penghasilan modul Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan bahan bantu mengajar. Kit Pembelajaran DH3M telah melalui penambahbaikan elemen keperluan dari segi kaedah PdP dan bahan pembelajaran merangkumi 3 pendekatan Didik Hibur, iaitu Kreativiti, Nyanyian dan Permainan. Pada fasa kedua, Kit Pembelajaran DH3M dibangunkan berdasarkan pandangan 2 orang pakar yang menilai keutamaan dan kesesuaian terhadap murid Tahun 5 sekolah rendah Orang Asli. Kemudian, pengkaji telah menjalankan projek rintis Kit Pembelajaran DH3M bersama 15 orang murid Tahun 5 di SK Pos Bersih, Batang Padang. Selepas selesai fasa pembangunan, fasa ketiga iaitu keberkesanan pelaksanaan Kit Pembelajaran DH3M dijalankan di sebuah sekolah Orang Asli di daerah Gerik. Program ini melibatkan 2 guru dan 60 orang murid Tahun 5 yang mempunyai tahap penguasaan 3M yang rendah dan sederhana. Hasil dapatan analisis ujian pra dan post menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam pengetahuan, dan kemahiran 3M murid tahun 5. Di samping itu, dapatan turut di sokong oleh guru melalui temu bual yang menyatakan bahawa murid-murid didapati menunjukkan minat yang mendalam melalui pelbagai aktiviti yang menyeronokkan. Guru juga dibekalkan dengan elemen teknologi dengan melibatkan QR code bagi beberapa video simulasi pengajaran guru sebagai panduan guru dan murid ketika pelaksanaan secara PdPR di sekolah. Kajian ini diharapkan memberi impak positif kepada guru dari aspek kelangsungan pelaksanaan pembelajaran sama ada secara bersemuka atau online kepada murid Orang Asli di musim pandemik Covid-19.

**Kata kunci:** Didik Hibur; Membaca, Menulis, Mengira; Sekolah Rendah; Murid Orang Asli

### 1. PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan kriteria penting yang harus dimiliki oleh setiap lapisan masyarakat, termasuklah generasi muda Orang Asli pada hari ini. Terdapat beberapa undang-undang dan dasar di peringkat domestik dan antarabangsa yang menjamin hak pendidikan Orang Asli. Di Malaysia, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) di bawah inisiatif #57 telah menyatakan tentang 'Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi dilaksanakan. Tujuan transformasi ini dilaksanakan adalah untuk memastikan ekuiti iaitu kesamarataan akses pendidikan murid orang asli dan peribumi sering dengan pendidikan arus perdana dapat direalisasikan dengan kesungguhan dan komitmen semua pihak'. Oleh itu, Program Transformasi Pendidikan Orang Asli (2013-2017) dirangka bagi memastikan sistem pendidikan negara yang berkualiti dapat dinikmati oleh semua warganegara serta dapat melonjakkan mutu pendidikan murid Orang Asli ke taraf lebih baik.

Pada masa kini, pencapaian akademik murid Orang Asli dalam pendidikan masih terlalu rendah jika dibanding dengan pencapaian warga Malaysia yang lain (Toh Kit Siang et al., 2008). Ini kerana

jumlah murid Orang Asli yang tercicir terutama dari sekolah rendah ke sekolah menengah masih besar. Malah dapatan kajian oleh JAKOA mendapati murid-murid Orang Asli kurang melibatkan diri di peringkat sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi adalah berpunca sewaktu persekolahan di peringkat rendah (Nicholas, 2006). Doris et al. (2012) menjelaskan kumpulan minoriti ini masih jauh ketinggalan dan mempunyai kadar keciciran dalam pendidikan yang tinggi dalam semua peringkat pendidikan bermula dari prasekolah hinggalah ke institusi pengajian tinggi.

Namun begitu, menurut kajian Zainal Abidin (2008) kadar keciciran pelajar Orang Asli lebih tinggi dalam kalangan pelajar sekolah menengah berbanding sekolah rendah. Kegagalan untuk memajukan diri dalam bidang pendidikan boleh menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik apabila kanak-kanak Orang Asli meningkat dewasa. Oleh yang demikian, penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) dalam kalangan murid-murid Orang Asli perlu dimulakan dari peringkat tadika atau prasekolah.

## Kajian Lepas

Masyarakat Orang Asli didapati kurang berminat melibatkan diri dalam pendidikan malah mereka melihat sekolah sebagai suatu tempat untuk menghantar anak-anak mereka untuk bermain dan kudapan (Mohammad Johdi, 2009). Terdapat ibu bapa Orang Asli yang berpandangan sinis terhadap peranan dunia pendidikan dalam mengubah mobiliti sosial mereka serta berpersepsi negatif terhadap pendidikan formal boleh membantu keluarga mereka untuk memperbaiki kehidupan (Hasan Mat Nor, 1998). Sikap ini berpunca dari pengalaman yang tidak baik berkaitan persekolahan anak-anak mereka (Vitaro, 2001). Pandangan yang negatif dan kurang mengambil perhatian dalam pendidikan anak-kanak, secara tidak langsung telah menjejaskan perkembangan dan pencapaian akademik murid Orang Asli.

Usaha yang berterusan turut dilakukan oleh pihak kerajaan supaya masyarakat Orang Asli dapat ditempatkan dalam pendidikan arus perdana. Namun, usaha mendidik murid Orang Asli perlu diberi penekanan sejak mereka kanak-kanak lagi supaya mereka lebih terdedah kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini jelas sebagaimana yang telah disarankan oleh UNESCO dalam program *UNESCO's Division of Basic Education Early Childhood* yang telah memperkenalkan pendidikan awal untuk kanak-kanak Orang Asli tanpa menghilangkanan identiti budaya mereka (Alicia, 2007). Hal ini juga dapat dilakukan dengan kesedaran dan sokongan yang tinggi dari pihak ibu bapa masyarakat Orang Asli.

Murid Orang Asli yang kurang kompeten daripada aspek kognitif (pengetahuan) adalah disebabkan oleh tahap pendidikan ibu bapa Orang Asli yang rendah mendorong mereka tidak mengambil berat mengenai pendidikan anak-anak. Murid Orang Asli juga sukar memahami apa yang diajar oleh guru, mudah terlupa, kurang berminat hadir ke sekolah, mudah putus asa khususnya apabila gagal dan kurang motivasi diri (Ma'rof & Sarjit, 2008). Murid Orang Asli didapati mempunyai minat dalam aktiviti luar dan alam sekitar (aspek psikomotor) tetapi mempunyai masalah dalam penguasaan kemahiran 3M yang membawa kepada kesukaran menguasai mata pelajaran yang memerlukan penyelesaian masalah, mudah bosan dan tiada kemahiran belajar (Shaari et al., 2011). Maka, kajian tentang penguasaan kemahiran asas 3M perlu dilaksanakan supaya penyelidik-penyelidik dapat menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang dapat memberi impak yang positif dalam meningkatkan penguasaan kemahiran asas 3M dalam kalangan murid-murid Orang Asli.

Guru menghadapi cabaran mengajar murid orang Asli disebabkan kurang kesedaran mereka terhadap pembelajaran di sekolah (Nazirah Sani, 2014). Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025), 4.4% murid sekolah rendah masih belum menguasai kemahiran 3M termasuklah murid orang Asli. Selain itu, pencapaian UPSR murid Orang Asli bagi tahun 2012 hingga 2016, peratus lulus mereka adalah 43.8 % berbanding dengan peratus lulus kebangsaan sebanyak 86.5% (KPM, 2017). Memandangkan pencapaian murid Orang Asli dalam UPSR adalah lemah maka kajian ini adalah sangat relevan dan amat perlu dikaji.

Kefungsian institusi sekolah sebagai satu mekanisme dalam memupuk kesedaran awal berkaitan 3M sangat sesuai dilaksanakan melalui pendekatan didik hibur. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, pelaksanaan didik hibur didapati perlu diperkasakan di setiap peringkat pendidikan sama ada di peringkat prasekolah mahupun di sekolah rendah. Berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pada 2010, guru perlu memastikan pendidikan di sekolah rendah yang diberikan adalah 'berkualiti supaya dapat memastikan peningkatan minat dan kesinambungan kepada pendidikan di peringkat yang lebih tinggi' (Kementerian Pelajaran Malaysia,

2010, ms.5). Malahan amalan guru yang mengekalkan kaedah pengajaran konvensional dan tidak mempunyai pengetahuan luas mengenai ciri-ciri pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 menyukarkan pelaksanaan pengajaran tersebut.

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menenalpasti elemen keperluan kit pembelajaran ‘DH3M’ murid Orang Asli
- ii. Membangunkan kit pembelajaran ‘DH3M’ murid Orang Asli
- iii. Meneroka keberkesanan pelaksanaan ‘DH3M’ murid Tahun 5 Orang Asli

## 2. METODOLOGI

Dalam kajian ini, penyelidik membuat kajian kualitatif dengan melaksanakan kaedah eksperimental melalui analisis pemarkahan ujian pengukuhan pra dan post terhadap penguasaan kemahiran asas 3M iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira murid-murid melalui Kit Pembelajaran DH3M. Selain itu, pengkaji mengumpulkan maklumat secara mendalam melalui temu bual mengenai situasi sebenar yang berlaku bersama guru untuk menilai tahap penguasaan kemahiran asas 3M, iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira murid-murid orang asli di sekolah rendah terpilih.

Kajian ini menggunakan instrumen ujian pengukuhan (pra dan post), senarai semak pemerhatian dan temu bual. Pada fasa pertama, elemen kit pembelajaran dikenalpasti berdasarkan model dan kajian lepas dengan melibatkan penghasilan modul Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan bahan bantu mengajar. Kit Pembelajaran DH3M telah melalui penambahbaikan elemen keperluan dari segi kaedah PdP dan bahan pembelajaran merangkumi 3 pendekatan Didik Hibur, iaitu Kreativiti, Nyanyian dan Permainan. Pada fasa kedua, Kit Pembelajaran DH3M dibangunkan berdasarkan pandangan 2 orang pakar yang menilai keutamaan dan kesesuaian terhadap murid Tahun 5 sekolah rendah Orang Asli.

Kemudian, pengkaji telah menjalankan projek rintis Kit Pembelajaran DH3M bersama 15 orang murid Tahun 5 di SK Pos Bersih, Batang Padang. Selepas selesai fasa pembangunan, fasa ketiga iaitu keberkesanan pelaksanaan Kit Pembelajaran DH3M dijalankan di sebuah sekolah Orang Asli di daerah Gerik. Program ini melibatkan 2 guru dan 60 orang murid Tahun 5 yang mempunyai tahap penguasaan 3M yang rendah dan sederhana.

## 3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Program ini melibatkan aktiviti Membaca, Menulis dan Mengira melalui pembelajaran Didik Hibur yang menyeronokkan (Fun Learning) mengikut garis panduan Kementerian Pendidikan Malaysia. Murid telah dibahagikan kepada 3 kumpulan mengikut tahap (Belum Menguasai, Menguasai, dan Sangat Menguasai) Mereka didedahkan dengan kemahiran membaca, menulis dan mengira mengikut kaedah mengenal, mengingat dan membuat latihan secara kumpulan kecil dengan bahan bantu mengajar yang melibatkan aktiviti flash card, permainan, bercerita dan pengukuhan dengan kaedah pembelajaran yang santai dan menyeronokkan.

Program ini berjaya menggunakan modul yang diajar oleh orang guru yang terlatih dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik dan berkesan. Setelah murid dibahagikan kepada 3 kumpulan mengikut tahap berdasarkan ujian pra, mereka akan terus berada di kumpulan tersebut sehingga akhir program. Kemudian, murid diberikan ujian pos bagi melihat keberkesanan program 3M yang dilaksanakan sepanjang 2 hari tersebut. Berdasarkan dapatan melalui aktiviti guru melalui pemerhatian, aktiviti telah mengemukakan dapatan seperti berikut:

### i. Aktiviti Membaca

Murid berjaya membuat pengecaman, membunyi suku kata terbuka dan tertutup serta membaca dan memahami kata dan ayat tunggal dan majmuk mudah.



#### ii. Aktiviti Menulis

Murid dapat menyalin dan meunlis huruf untuk membentuk suku kata, perkataan dan ayat yang mudah dan bermakna



#### iii. Aktiviti Bercerita

Murid menunjukkan minat untuk bercerita melalui buku cerita sama ada melalui lakonan atau secara persembahan boneka. Kumpulan yang menang telah diberikan hadiah sebagai tanda penghargaan.



#### iv. Aktiviti Mengira

Murid menguasai aktiviti mengira iaitu penguasaan kemahiran asas mengira bagi nombor bulat yang melibatkan operasi tambah, tolak, darab dan bahagi.



Hasil dapatan analisis ujian pra dan post menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam pengetahuan, dan kemahiran 3M murid tahun 5. Pembangunan bahan PdP berbentuk pakej kit Didik-Hibur 3M berjaya menghasilkan gabungan elemen pengetahuan dan kemahiran 3M melalui Didik Hibur murid yang bersesuaian dan berkesan. Produk Didik-Hibur 3M ini dapat memberi manfaat kepada para guru di sekolah rendah Orang Asli khususnya dalam membantu mereka untuk meningkatkan minat dan kemahiran 3M dalam kalangan murid Orang Asli dengan mudah dan berkesan di seluruh negara.

Di samping itu, dapatan turut di sokong oleh guru melalui temu bual yang menyatakan bahawa murid-murid didapati menunjukkan minat yang mendalam melalui pelbagai aktiviti yang

menyeronokkan. Guru juga dibekalkan dengan elemen teknologi dengan melibatkan QR code bagi beberapa video simulasi pengajaran oleh beberapa orang guru UPSI sebagai panduan guru dan murid ketika pelaksanaan secara PdPr di sekolah.

#### 4. KEPENTINGAN DAN POTENSI KOMERSIALAN

Berdasarkan dapatan kajian, kit pembelajaran DH3M telah dapat membantu PdP guru untuk menambah elemen Didik Hibur 3M yang mudah, padat dan menyeronokkan. Guru juga dapat menggunakan elemen teknologi dengan melibatkan QR code bagi beberapa video simulasi pengajaran interaktif guru UPSI sebagai panduan guru dan murid ketika pelaksanaan secara PdPr di sekolah.

Selain itu, dapatan juga turut memberi kesan kepada pembelajaran murid dari segi minat untuk belajar dengan cara yang menyeronokkan, di samping dapat membantu mereka untuk menguasai kemahiran asas 3M. Selain itu, Kit Pembelajaran DH3M boleh mewujudkan kesedaran kepada ibu bapa melalui video simulasi yang dibekalkan secara PdPr sebagai galakan aktiviti pembelajaran anak di rumah dengan aktiviti bermain.

Berdasarkan penganjuran program UCTC UPSI dengan Empowerncer Academic@Perak Phase 1 2019/2020, Northern Corridor Economic Region (NCER), produk ini berpotensi untuk digunakan kepada lebih 1000 guru di Sekolah Rendah Orang Asli di seluruh negeri Perak dan Malaysia. Penjualan modul pembelajaran DH3M boleh dilaksanakan kepada lebih 15 000 ribu murid Tahap 1 di Sekolah Orang Asli di seluruh negeri Perak & Malaysia.

#### 5. KESIMPULAN

Murid-murid Orang Asli menyukai aktiviti berteraskan belajar sambil menyanyi. Guru perlu menguasai aktiviti didik hiburan dengan mengaplikasikan pedagogi sedemikian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas LINUS mengikut tahap pengetahuan kognitif mereka (Abdul Rasid & Hasmah, 2013). Berdasarkan hasil kajian ini didapati selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) iaitu, pendidikan Orang Asli perlukan pendekatan dan strategi pembelajaran yang berbeza berbanding murid-murid lain. Ini disebabkan persekitaran sosial mereka dan kedudukan geografi banyak mempengaruhi tahap pencapaian mereka dalam penguasaan literasi, terutamanya literasi Bahasa Malaysia dan Numerasi. Kajian ini diharapkan memberi impak positif kepada guru dari aspek kelangsungan pelaksanaan pembelajaran sama ada secara bersemuka atau PdPr kepada murid Orang Asli di musim pandemik Covid-19.

#### PENGHARGAAN

Pihak kami mengucapkan sekalung penghargaan melalui kajian dan penghasilan produk ini yang merupakan projek di antara dua agensi iaitu UCTC UPSI dengan Empowerncer Academic@Perak Phase 1 2019/2020, Northern Corridor Economic Region (NCER) 12-2019 - 06-2021.

#### RUJUKAN

- Doris Padmini Selvaratnam, Abdul Hamid Jaafar, Norlida Salleh, Redzuan Othman, & Siti Hajar Idris. (2012). *Transformasi modal insan melalui peningkatan pendidikan: Kajian kes komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang*. Prosiding Perkembangan VII, 2, pp.1215-1224.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ma'Rof Redzuan, & Sarjit S. Gill. (2008). *Orang Asli: Isu, transformasi & cabaran*. Serdang, Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Marzuki, M., Mapjabil, J., & Zainol, R. M. (2014). Mengupas keciciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 189-198.
- Nor, M. M., Sukimi, M. F., & Nor, M. N. (2018). Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1), 72-86. doi:10.17576/geo-2018-1401-06.

- Wahab, N. A., Mustapha, R., & Talib, J. A. (2017). Membangun modal insan Orang Asli: Kajian peranan dan penentuan matlamat pendidikan dalam kalangan ibu bapa masyarakat Orang Asli di Kuantan, Pahang (Developing the Orang Asli human capital: A case study on the roles and determination of educational goals among Orang Asli parents in Kuantan, Pahang). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3).
- Wahab, N. B., Mohameda, M., Hassana, A., & Haron, M. N. (2013). Penerapan elemen sekolah rimba Malaysia dalam kalangan murid Orang Asli. In *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*, organised by Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia at KSL Hotel & Resort, Johor Bahru (pp. 424-432).